



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

**PELANCARAN SEBERANG PERAI CORPORATE  
PRIORITIES 2024 & PELANCARAN TEASER TOURISM  
SEBERANG PERAI**

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**23 JANUARI 2024 (SELASA)  
11.00 PAGI (SELEPAS MAJLIS PENUH)**

**DEWAN KENANGA  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Barisan Ketua WHIP dan Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaray Seberang Perai

**Seluruh Warga Kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai yang dikasihi**

**Rakan-Rakan media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah dan Syukur kepada Tuhan atas segala nikmat dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam **Majlis Pelancaran Seberang Perai Corporate Priorities 2024** dan **Pelancaran Teaser Tourism Seberang Perai.**
2. Ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan serta semua Kakitangan MBSP yang saya kasihi. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua amatlah saya hargai.
3. *Seberang Perai Corporate Priorities 2024* (SPCP 2024) merupakan satu dokumen tahunan yang diadaptasi daripada Pelan Strategi 2023-2030 dan merupakan kesinambungan bagi SPCP 2023. SPCP 2024 dilengkapi dengan maklumat program, *Key Performance Indicator* (KPI), aktiviti serta *outcome* setiap program yang telah dirangka untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2024.

4. Setiap Warga Kerja MBSP hendaklah memahami Pelan Tindakan Strategi Seberang Perai 2023-2024 dan hala tuju kita bagi tahun 2024, agar kita semua dapat bergerak seiring menjadikan tahun 2024 lebih cemerlang kerana ianya akan memberi impak positif dalam membina sebuah organisasi yang unggul, malahan boleh menjadi asbab kepada kelangsungan organisasi MBSP dalam negeri mahupun Negara dan persada antarabangsa.
  
5. MBSP memberi penekanan kepada lima (5) fokus utama dalam menentukan hala tuju MBSP, iaitu:-
  - i. Pemantapan Pembersihan
  - ii. Pemerkasaan Penguatkuasaan
  - iii. Peningkatan Hasil
  - iv. Bandaraya Tarikan Pelancong
  - v. Bandaraya Sukan
  
6. Pembentukkan SPCP 2024 merupakan satu (1) perancangan atau komitmen MBSP kepada semua *stakeholders* dalam menjayakan Visi dan Misi MBSP. Dokumen induk ini dijadikan sebagai pandu arah kepada warga kerja MBSP dan warga Seberang Perai untuk mencapai hasrat bersama. Ia juga dapat dijadikan sebagai panduan dan perancangan kerja komprehensif untuk menjadikan MBSP

sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang terbuka, interaktif, cekap dan mendapat sokongan masyarakat.

7. SPCP 2024 mengandungi 86 program dan 108 aktiviti yang disusun mengikut 10 Keutamaan Strategik (*Strategic Priorities*), iaitu:-
  - i. Persekutaran Yang Selamat
  - ii. Kemudahan Dan Infrastruktur Yang Berkualiti
  - iii. Gaya Hidup Sihat
  - iv. Pembangunan Hijau Dan Persekutaran Bersih
  - v. Penerapan Teknologi Baru
  - vi. Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing
  - vii. Memperkuuhkan Budaya Dan Warisan
  - viii. Bandar Yang Berdaya Tahan Dan Berdaya Huni
  - ix. Keterlibatan Komuniti
  - x. Pembangunan Bandar Yang Inklusif Dan Saksama
8. MBSP meletakkan *Top 10 Strategic Programs* yang akan menjadi sasaran utama untuk Tahun 2024, iaitu :-

- I. Mewujudkan tambahan CCTV di kawasan *hotspot* bagi mewujudkan persekitaran yang selamat,
  - II. Projek Naiktaraf Taman Pantai,
  - III. Pelaksanaan Pelan Tindakan Gagak (PETEGAK),
  - IV. Mewujudkan inisiatif untuk mencapai 300 tan sisa organik disalurkan kepada teknologi baru rawatan sisa pepejal,
  - V. Menjadikan Pulau Burung sebuah tapak pelupusan yang mempunyai teknologi *Waste to Energy*,
  - VI. Pelaksanaan modul Sistem Penguatkuasaan Bersepadu,
  - VII. Pembangunan Sistem Pengurusan Kawasan Perindustrian Bebas (FIZ),
  - VIII. Pelaksanaan Program SPEED (Seberang Perai *Express and Effective*)
  - IX. Penyediaan Garis Panduan Pemutihan Asrama Pekerja di Taman Nagasari,
  - X. Penyediaan tujuh (7) penempatan baru bagi Program Pemusatan Penjaja
9. Untuk makluman semua, Majlis Bandaraya Seberang Perai akan menjalankan kajian Inventori Produk dan Pelan Tindakan Pelancongan di Seberang Perai pada tahun ini. Ianya merupakan satu pelan strategik yang akan dilaksanakan untuk Pembangunan pelancongan di Seberang Perai. Seberang Perai kaya dengan khazanah sumber

semulajadi seperti pantai, sungai dan hutan paya bakau. Selain itu, ia juga kaya dengan pelbagai produk-produk pelancongan yang terdiri daripada pelancongan sejarah, warisan, seni dan budaya, pelancongan eko, pelancongan agro, pelancongan eko, pelancongan membeli belah serta pelancongan sukan dan rekreasi.

10. Pelan Tindakan Pelancongan Seberang Perai akan menjadi hala tuju ke arah mempromosikan pelancongan Seberang Perai di mana dengan adanya pelan ini, sektor pelancongan Seberang Perai akan dipertingkatkan dan diperkembangkan secara meluas. Medium sebaran maklumat berkenaan pelancongan Seberang Perai adalah interaktif dan mampu menarik lebih ramai pelancong untuk datang. Penglibatan *stakeholders* dan *tourism key players* yang terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta adalah diharapkan dapat membawa pelancongan Seberang Perai berada di tahap yang optimum dan efektif.
11. Tempoh Pelaksanaan Projek adalah selama 19 bulan dijangka bermula Mei 2024 – November 2025 merangkumi penyenaraian inventori produk pelancongan Seberang Perai mengikut kategori seperti berikut :
  - a) Pelancongan Sejarah, warisan, seni dan budaya;
  - b) Pelancongan Makanan/ Gastronomi;

- c) Pelancongan Agro;
  - d) Pelancongan Eko;
  - e) Pelancongan Sukan dan rekreasi;
  - f) Pelancongan Membeli belah;
  - g) Pelancongan Kesihatan; dan
  - h) Pelancongan Vista.
12. Majlis Bandaraya Seberang Perai sangat mengalu-alukan kerjasama, pandangan, dan cadangan produk -produk pelancongan baru dari semua pihak dengan mengimbas Kod QR yang telah disediakan. Pelaksanaan Inventori Produk dan Kajian Pelan Tindakan Pelancongan di Seberang Perai, Pulau Pinang ini adalah seiring dengan hala tuju Penang 2030 “Negeri Berorientasi Kekeluargaan, Hijau dan Pintar Untuk Inspirasi Negara” bagi pendekatan kepada pembentukan dasar dan strategi pembangunan secara people-centric yang memberi keutamaan kepada penglibatan rakyat.
13. Sama-sama kita terus berusaha untuk menjadikan MBSP lebih cemerlang serta berkesan dan seterusnya akan memberi impak yang jitu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab terhadap kesejahteraan rakyat di Seberang Perai. Kita juga perlu terus sentiasa meningkatkan usaha kreatif dan berdaya cipta dalam

mencari ruang untuk menyumbang kepada kemampuan organisasi MBSP dan kesejahteraan Negeri Pulau Pinang.

14. Semoga tahun ini, semua warga kerja MBSP dapat mempertingkatkan azam dan kesungguhan dalam melaksanakan setiap tugas. Tugasan yang dibuat dan dilaksanakan ini adalah juga dikira sebagai amal ibadah yang berterusan dan insyallah mendapat limpahan rahmat Allah S.W.T. Dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang, jangan lupa konsep ABC (**Amanah, Betul dan Cepat**) dalam pelaksanaan semua dasar dan program yang direncanakan serta tugas sehari-hari.
15. Dengan lafaz **Bismillahirrahmaanirrahim**, sukacitanya saya merasmikan **Pelancaran Seberang Perai Corporate Priorities 2024**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***